

**DALAM MAHAKAMAH TINGGI DI KUALA LUMPUR  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

RAYUAN JENAYAH NO:41-175-2009

ANTARA

CHUA TIAN CHANG ... PERAYU

DAN

PENDAKWA RAYA ... RESPONDEN

**ALASAN PENGHAKIMAN**

1. Perayu di dalam rayuan ini telah dituduh dan disabitkan dengan satu pertuduhan di bawah seksyen 332 Kanun Keseksaan kerana dikatakan telah mendatangkan kecederaan kepada pegawai awam ketika menghalang pegawai berkenaan daripada menjalankan tugas-tugas resminya iaitu untuk menyuraikan satu demonstrasi yang berlaku pada 11.12.2007 di Jalan masuk ke Bangunan Parlimen Malaysia.

2. Pertuduhan terhadap Perayu adalah dibacakan seperti berikut:

“Bahawa kamu pada 11.12.2007 pada jam lebih kurang 10.45 pagi di Jalan masuk ke Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur dalam Daerah Sentul, Wilayah Persekutuan Bandaraya Kuala Lumpur, dengan sengaja menyebabkan kecederaan kepada Konstabel RF160137 Rosyaidi bin Anuari iaitu seorang anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia tatkala beliau menjalankan kewajibannya sebagai anggota Pasukan

PDRM, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s.332 Kanun Keseksaan”.

3. Atas sabitan kesalahannya Perayu telah dihukum dengan hukuman penjara untuk tempoh 6 bulan dan didenda sejumlah RM3,000.00 atau 2 bulan penjara. Perayu telah membayar denda tersebut dan mendapat satu penggantungan terhadap hukuman penjara yang dijatuhkan dengan jaminan RM5,000.00 dengan seorang penjamin.

4. Perayu kini merayu terhadap keseluruhan perintah sabitan dan hukuman-hukuman tersebut. Alasan-alasan rayuan beliau adalah seperti tertera di dalam Petisyen Rayuan yang difailkan oleh Perayu.

5. Secara ringkas fakta-fakta kes dalam rayuan sepertimana yang telah dinyatakan oleh saks-saksi pihak pendakwaan adalah seperti berikut;

(a) Pada 11.12.2007 PW1 telah ditugaskan untuk mengendalikan satu operasi membentaras perhimpunan haram yang dikenali sebagai OPS PADAM.

(b) Pada masa yang sama PW2 juga bertugas mengawal kenderaan-kenderaan yang melalui kawasan tersebut.

(c) Dalam masa bertugas tersebut sebuah kereta Proton Tiara telah kelihatan menghampiri kawasan perkarangan Parlimen.

- (d) Untuk tujuan pemeriksaan keselamatan, kereta Proton Tiara itu telah ditahan tetapi pemandu kereta tersebut telah enggan berhenti.
- (e) Bagaimanapun pihak polis telah berjaya menyekat kereta itu daripada terus mereka hadapan dan berhenti sebelum berjaya masuk ke kawasan Parlimen.
- (f) Apabila ditahan PW1 telah mendapati Perayu adalah menjadi penumpang di dalam kereta tersebut yang duduk di sebelah pemandu.
- (g) PW1 telah memperkenalkan dirinya dan meminta Perayu mengemukakan kad pengenalannya untuk disemak, tetapi menurut keterangan PW1, Perayu telah enggan memberikan kad pengenalannya.
- (h) Maka PW1 telah mengarahkan SP2 untuk menangkap Perayu.
- (i) Menurut keterangan, telah berlaku pergelutan semasa hendak menangkap Perayu, bagaimanapun Perayu berjaya juga ditangkap.
- (j) Bagaimanapun, menurut PW2, semasa Perayu dalam proses untuk dibawa naik ke kenderaan polis, Perayu telah menggigit lengan PW2.

- (k) Keterangan juga menunjukkan bahawa PW2 telah menumbuk Perayu untuk melepaskan gigitan itu.
- (l) PW2 telah diperiksa oleh Pegawai Perubatan SP5, dan SP5 telah mengesahkan bahawa kecederaan itu adalah disebabkan oleh objek tumpul.

6. Peruntukan s.332 adalah menyebutkan secara jelas dan berbunyi seperti berikut:

“S.332 Voluntarily causing hurt to defer public servant from his duty.

Whoever voluntarily causes hurt to any person being a public servant in the discharge of his duty as such public servant, or with intent to prevent or defer that person or any other public servant from discharging his duty as such public servant, or in consequence of anything done or attempted to be done by the person in the lawful discharge of his duty as such public servant, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to three years, or with fine, or with both”.

7. Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di atas jelas bahawa pihak pendakwaan hendaklah membuktikan elemen berikut terhadap Perayu, iaitu:

- (a) Kecederaan ke atas pengadu itu telah dilakukan oleh Perayu secara sukarela.
- (b) PW2 adalah seorang penjawat awam.

- (c) Pada masa kecederaan itu berlaku;
  - (i) PW2 telah secara sah sedang menjalankan tugasnya.
  - (ii) Kecederaan kepada PW2 itu bertujuan untuk menghalang atau menyekat PW2 di dalam menjalankan tugas yang diarahkan kepadanya.
  - (iii) PW2 pada masa berkaitan sedang menjalankan kuasa-kuasa yang sah dan diarahkannya berbuat demikian.

8. Tuan Majistret yang bijaksana setelah menilai keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan secara maksima telah memutuskan bahawa terdapat suatu kes *prima facie* dibuktikan terhadap Perayu dan telah memanggil Perayu untuk membela diri. Melalui penghakimannya yang panjang lebar saya bersetuju berkenaan dengan pendekatan beliau mengenai kes *prima facie*.

9. Melalui alasan-alasan penghakiman yang disediakan oleh Majistret yang bijaksana, saya berpendapat bahawa elemen Pertama mengenai sama ada Perayu telah menyebabkan kecederaan terhadap PW2 secara sukarela? Majistret berpendapat bahawa kredibiliti mangsa (PW2) tidak boleh dipertikaikan oleh kerana beliau tidak mempunyai motif untuk menumbuk Perayu kecuali untuk melepaskan dirinya daripada gigitan yang dilakukan oleh Perayu ke atasnya.

10. Keterangan PW2 mengenai perkara ini jelas, beliau merupakan anggota polis yang diarahkan oleh PW1 untuk menangkap dan

mengekskot Perayu ke kenderaan polis, maka jelaslah bahawa pada masa berkenaan orang yang paling dekat dengan PW2 adalah Perayu. Saya tidak boleh menerima cadangan peguambela bahawa PW2 sengaja mengada-adakan cerita semata-mata untuk melindungi tindakan kasar PW2 menumbuk Perayu.

11. Tindakan PW2 yang dengan segera melaporkan kepada ketuanya PW1 mengenai tindakan Perayu terhadapnya merupakan tindakan spontan beliau menceritakan apa yang telah berlaku ke atasnya, keterangan PW2 juga turut disokong oleh laporan perubatan yang mengesahkan kecederaan itu adalah merupakan akibat gigitan (bite mark).

12. Saya bersetuju dengan alasan Majistret bahawa PW2 bukanlah seorang saksi yang bermotif dan sengaja mengada-adakan cerita bagi menganiyai Perayu.

13. Elemen kedua ialah sama ada PW2 seorang pegawai awam pada masa beliau dcederakan oleh Perayu tersebut? Terdapat banyak keterangan yang cukup untuk membuktikan bahawa PW2 ini adalah seorang pegawai awam, jelas daripada keterangan PW2 sendiri yang menjelaskan status beliau dan pangkat beliau ketika diarahkan menjalankan operasi OPS PADAM tersebut.

14. PW1 dan PW6 juga menyokong keterangan ini bagi pihak pendakwaan. Maka saya bersependapat dengan Majistret bahawa PW2

sememangnya seorang pegawai awam pada masa beliau dcederakan pada hari kejadian.

15. Persoalan mengenai sama ada pada masa beliau dcederakan itu, beliau sedang menjalankan tugasnya sebagai penjawat awam? Melalui keterangan PW2, dia telah ditugaskan sebagai anggota polis untuk mengawal berlakunya demonstrasi pada hari tersebut, tugas itu adalah sebagai memenuhi perintah Mahkamah yang dikeluarkan untuk menghalang tunjuk perasaan tersebut (Ekshibit P2 – Perintah Larangan) daripada berlaku.

16. Keterangan PW2 bahawa dia mendapat isyarat untuk menahan kereta Proton Tiara dan arahan untuk menangkap Perayu sudah cukup bagi menunjukkan bahawa tindakan beliau pada hari itu adalah bagi menjalankan tugas yang telah diberikan kepada beliau sebagai penjawat awam.

17. Melalui keterangan-keterangan dan alasan-alasan di atas saya bersependapat bahawa pihak pendakwaan telah berjaya menimbulkan suatu kes *prima facie* terhadap Perayu seperti mana pertuduhan ke atasnya.

18. Semasa membela diri Perayu telah memberikan keterangan bersumpah dan di dalam keterangannya beliau menafikan telah menggigit PW2 pada hari kejadian. Alasannya dia tidak mahu bekerjasama dengan pihak polis kerana beliau bukan orang ditahan (a person under arrest). Tujuan dia ke Parlimen pada hari itu adalah

untuk mengadakan satu sidang akhbar bersama-sama Ahli-Ahli Parlimen PKR, jawatan beliau pada masa berkenaan adalah sebagai Ketua Penerangan PKR. Oleh sebab itulah beliau enggan memberikan kad pengenalnya apabila diminta oleh pihak polis.

19. Keterangan SD2 pula ialah dia hanya menumpangkan Perayu dengan keretanya kerana dia juga ingin ke Parlimen untuk menyertai satu aktiviti BERSIH. SD2 mengatakan keretanya telah terbakar di dalam kekecohan tersebut. Manakala SD3 pula adalah jurukamera yang merakam video yang dipertikaikan oleh pihak pendakwaan.

20. Majistret di akhir kes pembelaan telah mengambil pakai s.182A Kanun Acara Jenayah yang mengkehendaki pihak pendakwaan untuk membuktikan satu kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap Perayu, dan juga mengguna pakai pedoman-pedoman yang dinyatakan melalui kes **Mat vs PP (1963) 29 MLJ 263**.

21. Saya bersependapat dengan Majistret yang memutuskan bahawa pembelaan Perayu semata-mata rekacipta dan penafian kosong kerana keterangan tidak dapat menyokong penjelasan yang beliau berikan.

22. Seterusnya pendapat Majistret mengenai kredibiliti dan demeanor Perayu juga patutlah disokong, di dalam penghakimannya beliau berkata berikut:

"I have the opportunity to see and examine the demeanor of the accused and rule that his credibility is questionable and must be scrutinized with caution....."



23. Ini merupakan penemuan yang beliau buat semasa perbicaraan dan saya tidak berpeluang untuk menyaksikan ini semua, maka di peringkat rayuan saya tidak berhak untuk mengeneipkan penemuan fakta yang beliau buat.

24. Fungsi Mahkamah yang mendengar rayuan adalah jelas sepertimana yang dinyatakan melalui kes **Baharuddin bin Hassan & Anor vs PR (2009) 6 AMR 501** (Mahkamah Rayuan):

**"Held -**

4. The duty of a trial judge is to give a maximum evaluation of the evidence produced by the prosecution, including an evaluation of the credibility of the witnesses. The Court of Appeal will not intervene in the decision of the trial judge except where he is shown to be plainly wrong in arriving at his decision. However, appellate interference will take place where there has been no judicial appreciation of evidence.
5. When deciding whether to accept or reject the evidence of a witness, a trial judge must take into account the presence of or absence of any motive for that witness to give his evidence. If there are contemporary documents, then he must test the oral evidence of a witness against these documents. A judge, who makes his findings based purely on the demeanour of a witness without making critical analysis of the evidence of that witness, runs the risk of having his findings corrected on appeal.
6. An insufficient judicial appreciation of evidence is a ground for intervention by an appellate court."

Rujuk kes **Priasamy s/o Sinapan vs PP (1996) 2 MLJ 557**, yang merujuk kepada kes **Wilayat Khan vs State of Uttar Pradesh**.

Rujuk juga kepada kes **Lim Kheak Teong vs PP (1985) 1 MLJ 38**.

25. Memandangkan kepada penemuan-penemuan yang beliau buat adalah semata-mata penemuan fakta yang menjurus kepada sabitan terhadap Perayu maka saya berpendapat saya tidak perlu untuk mencampur tangan mengenai penemuan fakta yang beliau temui itu.

26. Begitulah juga berkenaan dengan penilaian beliau terhadap keterangan-keterangan kes pembelaan ketika membela diri. Penemuan yang beliau buat mengenai fakta dan mengaplikasikan undang-undang yang berkaitan saya berpuas hati untuk tidak mencampuri mengenai penemuan-penemuan yang beliau buat tersebut.

### Hukuman

27. Mengenai hukuman adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa hukuman adalah merupakan budi bicara sepenuhnya Hakim Perbicaraan kecuali kes-kes yang melibatkan hukuman mati.

28. Sepertimana yang dimaklumi prinsip utama hukuman itu banyak, bukan sahaja sekadar menghukum, tetapi juga meliputi faktor-faktor pengubahbaikan kepada pesalah termasuklah faktor kesedaran, keinsafan, penyesalan dan sebagainya. Akan tetapi apa pun hukuman

yang hendak dijatuhkan mestilah mengambil kira kepentingan masyarakat umum.

29. Di dalam buku Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes, 25<sup>th</sup> Edition, m.s. 159, penulis telah merujuk kepada buku "The Elements of Social Justice" tulisan Hobhouse, yang telah menulis seperti berikut:

"Punishment is compelled to justify itself by its actual effect on society, in maintaining order without legalising brutality on the criminal, in deterring him or in aiding his reform. And punishment is not, like reward, a part of ideal justice; it is a mechanical and dangerous means of protection which it requires the greatest wisdom and humanity to convert into an agency of reform."

30. Melalui buku yang sama di muka surat 163, penulis telah menerangkan objektif utama sesuatu hukuman itu dijatuhkan dengan mengatakan seperti berikut:

"The aims of punishment are now considered to be retribution, justice, deterrence, reformation and protection and modern sentencing policy reflects a combination of several or all of these aims. The retributive element is intended to show public revulsion to the offence and to punish the offender for his wrong conduct. The concept of justice as an aim to punishment means both that the punishment should fit the offence and also that like offences should receive similar punishments. An increasingly important aspect of punishment is deterrence and sentences are aimed at deterring not only the actual offender from further offences but also potential offenders from breaking the law. The importance of reformation of the offender is shown by the growing emphasis laid upon it by much modern legislation, but judicial opinion towards

this particular aim is varied and rehabilitation will not usually be accorded precedence over deterrence. The main aim of punishment in judicial thought, however, is still the protection of society and the other objects frequently receive only secondary consideration when sentences are being decided."

31. Di dalam kes ini, Perayu adalah merupakan pesalah pertama, beliau adalah Ahli Parlimen Kawasan Batu, dan tidak dinafikan juga bahawa tiada keistimewaan patut diberikan kepada beliau sebagai seorang Ahli Parlimen ketika menjatuhkan sesuatu hukuman.

32. Setelah penghakiman dijatuhkan terhadap Perayu dengan menolak rayuannya atas sabitan dan menerima rayuan beliau di atas hukuman dengan mengurangkan hanya kepada hukuman denda RM2,000 atau 2 bulan penjara, telah timbul pelbagai persoalan samada dengan hukuman denda RM2,000 itu, Perayu sebagai Ahli Parlimen Kawasan Batu, Kuala Lumpur akan hilang kelayakannya untuk terus menjadi Ahli Parlimen.

33. Di dalam penghakiman ringkas saya yang dibacakan pada hari pendengaran rayuan ini saya menegaskan di antara faktor-faktor hukuman diringankan adalah berkenaan dengan pilihan raya kecil, penegasan saya selanjutnya ialah seandainya Perayu dihukum melebihi hukuman yang telah dinyatakan melalui Perkara 48(1)(e) Perlembagaan Persekutuan, dan Perayu tidak diberikan pengampunan, maka kelayakan beliau akan hilang dan mengundang kepada suatu pilihan raya kecil diadakan di kawasan Parlimen tersebut.

34. Bagi menjelaskan perkara ini, saya perturunkan Peruntukan Perkara 48(1)(e) yang berbunyi seperti berikut:

“48. Disqualification for membership of Parliament;

- (1) Subject to the provision of this Article, a person is disqualified from being a member of either House of Parliament if;
  - (e) He has been convicted of an offence by a court of law in the Federation (or, before Malaysia day, in the territories comprised in the State of Sabah or Sarawak or in Singapore) and sentenced to imprisonment for a term of **not less than one year or to a fine of not less than two thousand ringgit** and has not received a free pardon; .... ”

35. Persoalannya di sini adakah ungkapan berbunyi “ .... to a fine of not less than two thousand ringgit .... ” telah memberi kesan kepada kedudukan Perayu sebagai Ahli Parlimen? Ini adalah persoalan pentafsiran undang-undang yang perlu diputuskan.

36. Persoalannya ialah sama ada jumlah RM2,000 itu bermaksud denda yang bermula dari RM2,001 ke atas? Pada pendapat saya, RM2,000 itu adalah merupakan panduan atau pun garis sempadan yang mana tidak sepatutnya diambil kira di dalam menentukan hasrat penggubal undang-undang kepada Perkara 48(1)(e) Perlembagaan Persekutuan.

37. Bagi menyokong pendapat ini saya merujuk kepada kes Mahkamah Agong yang diputuskan oleh suatu korum yang kuat, iaitu kes **Public Prosecutor vs Leong Yin Ming (1993) 1 MLJ 177**. Walau pun kes tersebut membincangkan berkenaan dengan prosedur jaminan sama ada boleh diberikan untuk kesalahan di bawah Seksyen 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 41B Akta yang sama.

38. Melalui kes di atas peruntukan S.39A(2) Akta, telah memperuntukkan seperti berikut:

“Every person found guilty of an offence against this Act where the offence is not punishable with death ... shall, instead of being liable to the punishment provided for the offence under the section under which the person has been so found guilty, be punished with imprisonment for life or for a term which **shall not be less than five years** ...”.

39. Manakala Seksyen 41B Akta yang sama pula telah memperuntukkan seperti berikut:

“41B. No bail shall be granted in respect of certain offences.

(1) Bail shall not be granted to an accused person charged with an offence under this Act;

(a) ....

(b) Where the offence is punishable with imprisonment for more than 5 years.

(c) ....

40. Mahkamah Agong telah memutuskan seperti berikut di muka surat 180:

"In any case, we are of the view that the words used in s.41B(1)(b) are clear and that the words "punishable with imprisonment for more than five years" Mean imprisonment from five years and one day upwards up to imprisonment for life. Then, when we turn to s.39A(2), we consider that the words "be punished with imprisonment for life or for a term which, shall not be less than five years" are also clear and unequivocal and mean that the offence is punishable with imprisonment for more than five years, i.e. five years and one day up to a maximum of imprisonment for life".

41. Di para terakhir muka surat 181 kes tersebut Y.A. Gun Chit Tuan C.J. berkata dengan jelas:

"However, we understood from the senior federal counsel that the respondent in this case had already been acquitted by the session court and although our ruling would be academic for this case, we have decided to deliver this judgment as a guide for similar cases in the future".

42. Maka dengan berpegang kepada keputusan di dalam kes Mahkamah Agong di atas saya berpuas hati dan berpendapat bahawa denda RM2,000 itu tidak menjadikan Perayu hilang kelayakan beliau secara automatik kerana denda untuk menjadikan beliau hilang kelayakan adalah RM2,001.00 ke atas; bukannya bermula daripada RM2,000.

43. Perkara 48(1)(e) dengan jelas menyebutkan:

“ to a fine of not less than two thousand ringgit ... ”. Maka menurut kes Mahkamah Agong di atas yang mana mengikat semua Mahkamah bawahan adalah merupakan satu otoriti yang kuat dan mengikat Mahkamah ini.


44. Oleh itulah saya berkeyakinan bahawa hukuman denda tersebut tidak akan memberikan suatu implikasi kepada suatu pilihan raya kecil di kawasan Parlimen Batu; maka niat saya yang ikhlas itu telah dizahirkan melalui hukuman denda tersebut, selain memberikan suatu amaran keras kepada Perayu supaya tidak mengulangi perbuatan yang sama pada masa hadapan.

45. Mengenai kes **Fan Yew Teng vs Government of Malaysia (1976) 2 MLJ 262**, ia boleh dibezakan dengan kes ini, memandangkan kes tersebut adalah satu kes perlembagaan bagi menentukan kuasa Dewan Rakyat di bawah Perkara 53 Perlembagaan Persekutuan bagi mengambil apa-apa tindakan apabila hak keahlian seseorang Ahli Parlimen itu terlucut atau terbatal.

46. Kes **Fan Yew Teng** juga telah diputuskan sebelum kes **Leong Yin Ming** diputuskan oleh Mahkamah Agong mengenai pentafsiran ungkapan “shall not be less than”. Dan isu hukuman denda ke atas beliau juga telah tidak dipertikaikan oleh peguamcara yang mewakili beliau pada ketika itu.



47. Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas saya berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan adalah adil dan wajar serta menurut undang-undang.



**(HAJI GHAZALI BIN HAJI CHA)**  
Hakim Mahkamah Tinggi Malaya  
Bahagian Jenayah  
Kuala Lumpur.

Bertarikh pada 17 Jun 2010.

Peguam-Peguam:

Encik Hanafiah Zakaria,  
Encik Ishak Mohd Yusoff, dan  
Encik Lee Keng Faat,  
Timbalan Pendakwa Raya  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
Bahagian Perbicaraan dan Rayuan,  
Aras 5, No. 45 Persiaran Perdana,  
Parisint 4,  
62512 Putrajaya.

Encik Razlan Hadri,  
Encik Amer Hamzah, dan  
Encik Jason Tay  
Tetuan Ranjit Singh & Yeoh  
Peguambela dan Peguamcara  
6<sup>th</sup> Floor, Wisma Volkswagen,  
No.7, Lorong Maarof, Bangsar  
59000 Kuala Lumpur.